



15 JUN, 2023

600 ekor ayam habis terjual dalam tiga jam

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

600 ekor ayam habis terjual dalam tiga jam



Jualan ayam pada RM6.40 sekilogram mendapat sambutan pembeli di Bazar Rakyat Agro Johor di Rengit pada Rabu.

BATU PAHAT - Sebanyak 600 ekor ayam dijual dengan harga RM6.40 sekilogram 'licin' dalam tempoh tiga jam sempena program Bazar Rakyat Agro Johor di Pusat Memproses Makanan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Rengit pada Rabu.

Pengarah FAMA negeri, Faidz Afizi Mohamed berkata, selain ayam, 200 kilogram daging lembu yang dijual pada harga RM32 sekilogram turut habis terjual hanya dalam tempoh dua jam.

Katanya, harga asal ayam dan daging lembu pada jualan itu masing-masing RM9.40 dan RM38, namun mendapat tumpungan subsidi daripada FAMA Johor.

"Keseluruhan tumpungan subsidi dianggarkan sebanyak RM8,000 bukan sahaja untuk ayam dan daging lembu tetapi pelbagai keperluan lain, seperti telur ayam, ikan dan sayur.

"Telur ayam gred B yang dijual pada harga RM10 seapan mendapat sambut-

an luar biasa. Begitu juga dengan ikan rakyat iaitu ikan cencaru, ikan tongkol dan ikan pelaling," ujarnya.

Dalam pada itu Faidz Afizi berkata, sebanyak 85 program Bazar Rakyat Agro Johor akan dilaksanakan di negeri ini sehingga April tahun depan.

"FAMA turut membantu pekebun dan penternak tempatan memasarkan produk mereka menerusi program Bazar Rakyat Agro Johor yang diadakan di setiap daerah.

"Ia juga dapat mengurangkan kos sara hidup rakyat melalui tawaran harga jualan yang berpututan," katanya.

Sementara itu, peniaga ayam, Zulkifli Abd Wahab, 47, berkata, jualan ayam terpaksa dihadkan kepada dua ekor bagi setiap pembeli memandangkan sambutan diterima luar biasa.

Jelasnya, subsidi yang diberikan membolehkan pembeli khususnya daripada kawasan luar bandar berjimat.



15 JUN, 2023

600 ekor ayam habis terjual dalam tiga jam

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

BATU PAHAT - Sebanyak 600 ekor ayam dijual dengan harga RM6.40 sekilogram 'licin' dalam tempoh tiga jam sempena program Bazar Rakyat Agro Johor di Pusat Memproses Makanan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Rengit pada Rabu. Pengarah FAMA negeri, Faidz Afizi Mohamed berkata, selain ayam, 200 kilogram daging lembu yang dijual pada harga RM32 sekilogram turut habis terjual hanya dalam tempoh dua jam. Katanya, harga asal ayam dan daging lembu pada jualan itu masing-masing RM9.